



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2023

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS UNIVERSITI
MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TAHUN 2024**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tahun 2024.

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Tadbir Urus UMT

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, berikut adalah penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT yang telah dipersetujui oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-287 (Bil. 11 Tahun 2023), Kali Ke-288 (Bil. 12 Tahun 2023) dan Kali Ke-289 (Bil. 13 Tahun 2023):
 - a) Penubuhan **Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM)** sebagai pusat tanggungjawab (PTj) Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
 - b) Penjenamaan semula **Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI)** kepada **Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK)**. Fakulti ini adalah PTj Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
 - c) Penaiktarafan **Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (JPSH)** kepada **Pusat UMT Life (UMT Life)** yang bertanggungjawab melaksanakan penawaran program jangka panjang, program jangka pendek, program APEL, program luar dan

pengurusan Sistem Digital Bersepadu UMT Life. Pusat ini merupakan PTj Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

- d) Penubuhan **Pusat Pengurusan Lestari (PPL)** yang bertanggungjawab menyelaras pelaporan dan pengumpulan data berkaitan aktiviti lestari yang dilaksanakan di UMT dan mengemaskini segala aktiviti kelestarian di laman sesawang Kampus Lestari UMT. Pusat ini merupakan PTj Tier 2 di bawah Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR).
 - e) Rentetan penubuhan PPL di bawah TSR, nama **Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko** dijajarkan kepada **Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko**.
4. Carta organisasi terkini UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Januari 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,



ZUKIFEREE BIN IBRAHIM

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu



Pusat Tanggungjawab Tier 1 = 40

Pusat Tanggungjawab Tier 2 = 9